

MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN KURSUS KEPIMPINAN PEGAWAI WARAN (KKPW) SIRI 49/19

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4740-majlis-perasmian-pembukaan-kursus-kepimpinan-pegawai-waran-kkpw-siri-49-19

SUBANG, 1 Apr 19 - Majlis Perasmian Pembukaan Kursus Kepimpinan Pegawai Waran (KKPW) Siri 49/19 telah diadakan di Dewan Pahlawan Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan (INSTAR).

Kursus ini dihadiri seramai 53 anggota daripada pelbagai ketukangan di dalam TUDM berpangkat Flait Sarjan yang terdiri daripada 46 anggota lelaki dan 7 anggota wanita. Kursus yang bermula pada 1 Apr 19 dan akan tamat pada 29 Apr 19 ini telah dirasmikan oleh Panglima Pendidikan Dan Latihan Udara, Lt Jen Dato' Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM. Turut hadir Pegawai Memerintah INSTAR, Lt Kol Harisson bin Harun TUDM, pegawai dan jurulatih INSTAR.

